



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) 1987

DR.16/1987

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Bil Perbendaharaan
(Tempatan) 1946.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) 1987. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 2 Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (1), subseksyen (1A) baru yang berikut: Pindaan seksyen 2. Akta 188.

“(1A) Yang di-Pertuan Agong boleh, dari semasa ke semasa, dengan perintah, mengubah amoun yang ditetapkan dalam subseksyen (1); dan setiap perintah demikian hendaklah, secepat mungkin selepas disiarkan dalam *Warta*, dibentang oleh Menteri Kewangan dalam Dewan Rakyat.”.

HURAIAN

Seksyen 2 Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 meletakkan had lima ribu juta ringgit pada amaun Bil-bil Perbendaharaan yang dikeluarkan dan masih belum dijelaskan pada bila-bila masa. Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen itu supaya had itu boleh diubah dengan perintah Yang di-Pertuan Agong.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan kewangan tambahan. [PN. (U³) 1431.]

